



**SIARAN AKHBAR**  
**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Kompaun dikenakan atas kesalahan mempamerkan tanda harga yang mengelirukan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142**

---

Tarikh: 1 September 2022

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi baru-baru ini telah mengeluarkan satu kompaun berjumlah \$500.00 kepada sebuah premis perniagaan kerana melanggar peruntukan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142.
2. Hasil pemeriksaan JPES melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna telah mendapati Syarikat Green Mart Sdn Bhd melakukan kesalahan mempamerkan harga barang yang mengelirukan, di mana lapan jenis barang di dalam premis perniagaan mempunyai tanda harga yang tidak selaras dengan harga yang tercatit di dalam sistem pembayaran.
3. Para peniaga hendaklah peka dan patuh terhadap perundangan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Di samping itu, para peniaga disarankan untuk sentiasa mengamalkan amalan perniagaan yang wajar dan beretika termasuk mempamerkan tanda harga dengan jelas dan tepat serta tidak mengelirukan pengguna dalam membuat keputusan pembelian. Amalan perniagaan yang wajar dan beretika adalah di antara asas bagi membina kepercayaan pengguna dan seterusnya dapat menyumbang kepada merangsang aktiviti perekonomian dalam Negara.

4. Sebarang maklumat lanjut mengenai Akta Kawalan Harga, Penggal 142 boleh diperolehi melalui aplikasi mudah alih PenggunaBijak. Aplikasi PenggunaBijak juga menyediakan saluran rasmi bagi orang ramai untuk menghubungi JPES untuk membuat aduan mengenai amalan perniagaan yang tidak wajar. JPES juga boleh dihubungi melalui Talian Darussalam 123 atau e-mel kepada [aduanpengguna@jpes.gov.bn](mailto:aduanpengguna@jpes.gov.bn). Orang ramai dinasihat untuk menyertakan dokumen sokongan seperti resit pembelian dan gambar sebagai bukti apabila melaporkan aduan kepada JPES.

\*\*\*\*\*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi